

ARIKH : 21.12.2019
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3



Wan Rosdy menyampaikan sumbangan kepada murid di Sungai Koyan kelmarin.

Isu hak milik tanah Felcra Kuala Medang bakal selesai

KUALA LIPIS - Kerajaan Negeri Pahang akan segera menyelesaikan isu membatalkan hak milik tanah peserta Felcra Kuala Medang dalam masa terdekat.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, pihak pengurusan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra) dan Pejabat Daerah dan Tanah Lipis sedang berusaha menyelesaikan masalah pemilikan di tanah rancangan terbabit. "Peserta yang tidak ter-

libat dengan masalah hak-milik tanah tidak perlu bimbang kerana hak pemilikan akan diserahkan secepat mungkin," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Biasiswa Sekolah Rendah (BSR) Yayasan Pahang 2020 Kawasan Jelai di Dewan UMNO Cameron Highlands, Sungai Koyan kelmarin.

Beliau berkata, apabila segala proses dan urusan selesai satu majlis khusus akan dianjurkan bagi tujuan pengagihan geran pemilikan.